

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Tan Kok Wai

TARIKH : 28 Oktober 2015 (Rabu)

SOALAN : Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
kesan penyusutan nilai ringgit
terhadap makanan yang diimport,
jumlah bilangan makanan import
tahun lepas dan tahun ini. Nyatakan
defisit perdagangan makanan untuk
tempoh 5 tahun sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia (RM) memberi impak secara langsung terhadap makanan yang diimport. Antara kesan langsung akibat kejatuhan nilai RM ini adalah peningkatan harga barangan makanan pengguna. Kejatuhan nilai RM turut meningkatkan harga makanan haiwan ternakan dan meningkatkan kos operasi. Di samping itu, kos pengeluaran pertanian yang diimport akan turut meningkat.

Dalam tempoh Januari hingga Jun 2015 Malaysia mengimport sebanyak RM21.45 billion bahan makanan, meningkat sebanyak 2.33% jika dibandingkan pada tempoh yang sama tahun 2014 iaitu sebanyak RM20.96 billion.

Defisit perdagangan bahan makanan untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti berikut:

2011	2012	2013	2014	2015 (Sehingga Jun 2015)
RM13.95 Bilion	RM15.43 Bilion	RM16.77 Bilion	RM17.02 Bilion	RM8.91 Bilion